

Headline	Sekat rakyat 7 negara masuk AS ketepi prinsip kemanusiaan		
MediaTitle	Berita Harian (Sabah)		
Date	12 Feb 2017	Language	Malay
Circulation	41,000	Readership	123,000
Section	News	Color	Full Color
Page No	15	ArticleSize	402 cm ²
AdValue	RM 3,814	PR Value	RM 11,442



Sekat rakyat 7 negara masuk AS ketepi prinsip kemanusiaan

Prof Madya Dr Ahmad Marthada Mohamed

S: Apakah tindakan Trump untuk menyekat kemasukan rakyat dari tujuh negara Islam dianggap sebagai mengenyepikan prinsip hak asasi manusia?

J: Betul. Keputusan ini tidak berasas sama sekali kerana ia menidakkan hak rakyat dari tujuh negara itu. Walaupun betul objektif sebenar untuk mengelak Amerika Syarikat didatangi individu dari negara yang cenderung kepada aktiviti pengganas, namun hakikatnya mereka yang datang mempunyai matlamat yang jelas. Ada antaranya sebab hubungan kekeluargaan, ada keluarga menetap di sana. Kalau dilihat beberapa kes di mahkamah contohnya, ada antaranya seorang wanita dari Iraq yang mahu menjalani rawatan kesihatan di AS. Namun Trump tetap menyatakan tiada apa-apa pengecualian dari rakyat tujuh negara itu. Ini jelas bertentangan dengan amalan hak asasi manusia yang sememangnya diperjuangkan AS. Apa yang cuba diutarakan Trump mungkin dasarnya nampak baik, tapi ia menafikan kebebasan yang ada pada rakyat dari tujuh negara ini.

S: Banyak lagi negara seperti Pakistan dan Mesir yang dikaitkan dengan keganasan, kenapa ia tidak tersenarai?

J: Sebab itu ramai pihak pertikai mengapa tujuh negara ini. Jika dilihat rekod yang ada sekalipun, terbukti tidak ada sejarah pengganas di AS hadir dari negara itu. Jadi saya lihat larangan itu lebih bersifat sejarah. Mungkin tujuh negara ini ketika peristiwa September 2001, negara ini diletak dalam kategori negara berjaga-jaga, iaitu ketika peperangan antara AS dengan Iraq. Ini lebih kepada perkara lama.

Sementara konflik di Syria adalah isu baharu. Tindakan Trump ini sememangnya tidak dibuat secara terperinci jika mereka terus menggunakan alasan kemanusiaan.

S: Turki juga negara Islam tetapi jarang menerima tekanan AS?

J: Bagi saya sejak Turki menyertai Kesatuan Eropah, ia sudah menjadi penting kepada AS. Turki sangat berperanan besar dalam konteks geopolitik di Eropah. Jadi AS lebih berhati-hati. Apatah lagi Turki kini menjalin hubungan dengan Russia. Turki kini antara negara yang mempunyai ekonomi kuat selain mempunyai kekuatan dari segi ketenteraannya. Selain berkedudukan dekat atau bersempadan dengan Israel serta Syria. Kita dapati Turki mempunyai peranan tertentu terhadap AS. Peranan Turki di Eropah sangat memberi kesan kepada usaha AS memastikan mereka miliki pengaruh di Eropah dan Asia Barat. Walaupun kita dapati Turki sebuah negara Islam, namun layanan AS kepada Turki perlu dibuat berhati-hati, apatah bila Turki mahu jalinkan hubungan lebih erat dengan Russia. Ia dilihat akan menjejaskan bukan saja perdagangan, malah aspek keselamatan juga kepada AS. Ditambah pula ketidaksefahaman Turki dengan Presiden Syria, Bashar Al-Assad.

S: Seolah-olah juga tindakan Trump ini sebagai menjaga kepentingan Israel?

J: Itu yang lebih penting, sebenarnya agenda besar mengapa Trump melakukan larangan kemasukan rakyat dari tujuh negara itu sebenarnya berpaksikan untuk jaga hubungan baiknya

dengan Israel. Apabila beliau ambil alih jawatan presiden, dalam konteks hubungan AS-Israel, beliau ada menyatakan bahawa AS akan tetap lindungi Israel dari sebarang ancaman keselamatan. Apa yang berlaku di Asia Barat juga, kebiasaannya mesti selari dengan dasar luar Israel.

S: Apakah pendirian sewajarnya Malaysia dalam isu ini?

J: Sebagai negara yang mengamalkan dasar berkecuali, apa yang dilakukan AS adalah sesuatu yang dilihat sebagai menjaga kepentingan AS sendiri. Kita tidak boleh campur tangan. Sebagai sebuah negara yang mempromosikan kesederhanaan, maka sudah pasti kita menyatakan dengan jelas kepada kerajaan AS, mereka mesti pastikan bahawa dalam usaha lindungi negaranya, hak asasi mesti dipertahankan. Sebarang diskriminasi terutama yang membabitkan agama, mestilah dielakkan kerana dibimbangi akan berlaku timbal balas.

Seperti dilakukan oleh Iran baru-baru ini, yang tidak membenarkan delegasi sukan AS untuk bertanding di Iran. Ini yang kita tidak mahu kerana dibimbangi dasar ini mencetuskan satu pola konflik lebih besar. Sebagai sebuah negara yang pernah menjadi pengerusi kepada Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) dan ASEAN, kita boleh ketengahkan isu ini secara kuat dengan menyatakan apa pun yang berlaku di AS ia mesti tidak menafikan hak asasi manusia dan tidak mendiskriminasi agama. AS mesti dilihat selari dengan piagam dipegang Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Sebagai sebuah negara yang memperjuangkan demokrasi, mereka kena patuhi.

Headline	Sekat rakyat 7 negara masuk AS ketepi prinsip kemanusiaan		
MediaTitle	Berita Harian (Sabah)		
Date	12 Feb 2017	Language	Malay
Circulation	41,000	Readership	123,000
Section	News	Color	Full Color
Page No	15	ArticleSize	402 cm ²
AdValue	RM 3,814	PR Value	RM 11,442





Kita tidak boleh campur tangan. Sebagai sebuah negara yang mempromosikan kesederhanaan, maka sudah pasti kita menyatakan dengan jelas kepada Kerajaan AS, mereka mesti pastikan bahawa dalam usaha melindungi negaranya, hak asasi mesti dipertahankan”

Dr Ahmad Marthada Mohamed,
Dekan Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa Universiti Utara Malaysia